



## SIARAN MEDIA

### MPS TERIMA SUMBANGAN PERALATAN SEMBURAN UNTUK DISINFEKSI

MPS telah menerima sumbangan peralatan semburan daripada Tractmotor Parts (M) Sdn Bhd pada hari ini yang disampaikan kepada En Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS.

Dalam sesi penyerahan ini, syarikat berkenaan telah menyumbang sebanyak 30 unit Victa Battery Sprayer, Victa V-430 Knapsack Sprayer dan Victa V-1800 MD Mist Duster untuk membantu MPS bagi kerja-kerja disinfeksi untuk memerangi wabak Covid 19 dan sebagai sebahagian aktiviti tanggungjawab social (CSR) syarikat tersebut.

Untuk makluman, MPS telahpun menjalankan semburan disinfeksi di pasar-pasar awam secara berkala sebagai langkah mengelak jangkitan virus di kawasan tumpuan orang ramai. Dengan adanya tambahan peralatan semburan ini secara tidak langsung dapat membantu MPS menjalankan semburan disinfeksi di kawasan MPS dengan lebih kerap dan menyeluruh.

MPS amat berterima kasih kepada Transmotor Parts (M) Sdn Bhd atas sumbangan yang diberikan dan turut mengalu-alukan sumbangan daripada syarikat-syarikat korporat yang ingin menghulurkan bantuan untuk bersama-sama menyokong usaha kerajaan untuk memerangi covid 19 ini daripada terus merebak.

**Dikeluarkan Oleh:**

**MOHAMAD ZIN BIN MASOAD**

Pengarah Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang

B/P

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

**9.30 PM**

**29 Mac 2020**